

01<sup>hb</sup> Ogos 2018

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang Berkepentingan,

**JEMPUTAN UNTUK MEMBUAT ULASAN BERKENAAN DENGAN PENILAIAN UTAMA  
PENSIJILAN PIAWAIAN KELESTARIAN MINYAK SAWIT MALAYSIA (MSPO)**

Dengan sukacita kami menjemput pihak Tuan / Puan untuk menghadiri dan memberi komen di sesi rundingan seperti di atas.

**Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) – Gugusan Jengka 21 [Ladang]** yang merupakan sebuah syarikat perladangan di Malaysia, telah memohon kepada Global Gateway Certifications Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian pensijilan Piawaian Kelestarian Minyak Sawit Malaysia (MSPO).

Keperluan piawaian yang akan digunapakai semasa proses pensijilan adalah:

- MS 2503-3: MSPO, “Bahagian 3: Prinsip-Prinsip Umum Untuk Ladang Sawit dan Pekebun-Pekebun Teratur”

Seperti yang dijadualkan, penilaian pensijilan tersebut akan bermula pada **03<sup>hb</sup> September 2018 – 05<sup>hb</sup> September 2018**. Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 04<sup>hb</sup> September 2018  
Masa : 10:30 pagi hingga 12:30 petang  
Lokasi: Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) – Gugusan Jengka 21,  
Felda Jengka 21 Office,  
Felda Jengka 21,  
26400 Bandar Jengka,  
Pahang, Malaysia.

Nota\*: Sekiranya pihak Tuan /Puan tidak dapat menghadiri mesyuarat penilaian, pihak Tuan/Puan disarankan untuk bertemu Juruaudit dan memaklumkan sebarang ulasan ketika sesi audit berkenaan berlangsung.

<b>Syarikat Pemohon</b>	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
<b>Butiran Pemohon</b>	<b>Encik Ahmad Shahrir bin Ismail</b> Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Menara FELDA, Platinum Park, No. 11, Persiaran KLCC, 50088, Kuala Lumpur. +603 2191 2191 shahrir.i@feldaglobal.com



<b>Maklumat ringkas perniagaan pemohon</b>	<p>Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah ditubuhkan pada bulan Julai, 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah (1956) di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Ia merupakan pengeluar terbesar minyak sawit di Malaysia.</p> <p>Felda mempunyai mandat sosial-ekonomi untuk membangunkan tanah hutan untuk penempatan semula golongan miskin luar bandar dan tidak mempunyai tanah. Fungsi asal Felda adalah untuk menyalurkan bantuan kewangan kepada kerajaan negeri untuk program pembangunan tanah tetapi ini berubah pada tahun 1961 apabila ia telah diberi tanggungjawab untuk pembangunan tanah baru dan penempatan bagi seluruh negara. Sejak pertengahan tahun lapan puluhan, Felda telah memberi tumpuan kepada pembangunan ladang secara komersial.</p>
--	--

**MAKLUMAT KILANG KELAPA SAWIT YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI.**

Nama kilang sawit	Kapasiti Kilang	Lokasi	Rujukan GPS		Anggaran Pengeluaran Tahunan (MT)	
			Longitude	Latitude	CPO	Palm Kernel
(KKS)	MT/Jam	Alamat	Longitude	Latitude	CPO	Palm Kernel
NIL	NIL	NIL	NIL	NIL	NIL	NIL

**RANTAIAN BEKALAN BTS YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI**

Nama Ladang / Pertubuhan	Rujukan GPS		Jumlah kawasan (Ha)
	Longitude	Latitude	
Felda Jenka 21	E 102°28'13.69"	N 3°43'48.91"	1,666.85
Felda Jenka 22	E 102°28'41.80"	N 3°42'38.69"	1,164.33
Felda Jenka 23	E 102°28'33.00"	N 3°38'5.69"	1,813.65
Felda Jenka 24	E 102°26'11.92"	N 3°49'17.71"	1,355.40
Felda Jenka 25	E 102°25'54.08"	N 3°43'49.17"	799.55
Felda Jenderak Selatan	E 102°18'45.90"	N 3°38'09.40"	685.80
Felda Jenderak Utara	E 101°57'29.10"	N 4°29'09.80"	1,825.36
<b>Jumlah</b>			<b>9,310.94</b>

Perundingan dari pihak berkepentingan adalah salah satu aktiviti dalam utama dalam proses pensijilan, di mana semua pihak berkepentingan diminta untuk memberi pandangan yang boleh mempengaruhi keputusan samada keperluan MSPO dipatuhi.

Kami meminta anda mengemukakan sebarang isu, baik positif mahupun negatif melalui surat, fax atau e-mel kepada Global Gateway Certifications Sdn Bhd. Tuan/ Puan boleh menghadiri sesi bersama pihak berkepentingan semasa audit.



Sebagai rujukan, anda boleh mempertimbangkan isu-isu seperti berikut;

- Perlindungan alam sekitar
- Pemulihan kepelbagaian biologi
- Pengwujudan peluang pekerjaan
- Penyediaan perumahan, sanitasi, dan pendidikan sokongan
- Pendekatan syarikat dalam perkembangan masyarakat
- Mengambil bahagian dalam membuat keputusan
- Isu-isu yang lain baik positif atau negatif yang anda fikir relevan kepada penilaian.

Sila hantar pandangan / komen anda kepada:

**Global Gateway Certifications Sdn Bhd**

**Pengurus Pensijilan,**  
**Global Gateway Certifications Sdn Bhd,**  
No.10, Jalan Rasmi 7,  
Taman Rasmi Jaya,  
68000 Ampang,  
Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia.  
Tel: +603 4256 2689  
Fax: +603 4256 2687  
Email: admin@ggc.my

Maklumat terperinci anggota Juruaudit:

**Muhammad Syafiq bin Abd Razak (Ketua Juruaudit)**

Siswazah dalam pengurusan ladang dengan lebih daripada 7 tahun pengalaman dalam pelbagai syarikat perladangan dan kemahiran dalam Amalan Pertanian Baik (GAP) termasuk Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM). Sepenuhnya dilatih dalam program pensijilan pertanian seperti RSPO, SCCS, MSPO dan lain-lain. Layak sebagai Ketua Juruaudit / Juruaudit dalam beberapa program pensijilan. Terlibat dalam RSPO dan penilaian MSPO sejak 2014. Terlibat dalam audit dijalankan di beberapa syarikat yang berbeza di Malaysia, Indonesia, Australia, Pakistan, Arab Saudi dan Ivory Coast. Dilengkapkan dengan kursus MSPO Audit pada tahun 2014 (Batch ke-3) yang dikelolakan oleh MPOB. Ahli pasukan audit GGC.

Berpengalaman dalam mengendalikan ladang kepala sawit di kawasan mineral dan tanah gambut. Berpengetahuan dalam kawalan rumpai dan perosak & penyakit dalam sektor kelapa sawit. Memahami berhubung Industrial dan undang-undang buruh. Menghadiri OSH 1994 & Peraturan-Peraturan dan Kilang dan Jentera 1967 dan Peraturan Latihan. Mengambil bahagian dalam Bengkel Penanam Kelapa Sawit di tanah gambut di Bogor, Indonesia. Menghadiri Latihan Penilaian Kesan Sosial di Bogor, Indonesia anjuran Remark Asia. Juga, telah menghadiri latihan untuk RSPO GHG pada tahun 2015 di Kuala Lumpur. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.



### **Ismadi bin Hj Ismail (Juruaudit Sokongan)**

Beliau memiliki Diploma Pengurusan Perladangan dari Institut Teknologi MARA, Kuantan, Pahang. 24 tahun pengalaman dengan syarikat-syarikat perladangan dan mempunyai kemahiran bekerja dalam Amalan Pertanian Terbaik (GAP) untuk perladangan. Sepenuhnya dilatih dalam CoP, MSPO dan OSHAS. Layak sebagai Ketua Juruaudit / Juruaudit untuk MSPO dan CoP. Terlibat dalam penilaian MSPO sejak 2017. Menghadiri kursus juruaudit MSPO pada tahun 2017 yang dikendalikan oleh SGS (M) Sdn Bhd. dan ISO 9001:2015 yang di kendalikan oleh TOMC. Ahli pasukan MSPO audit GGC. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

### **Tuan Haji Ahmad bin Sukiman (Juruaudit Sokongan)**

Beliau memiliki Ijazah Pengurusan Ladang dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Mempunyai 30 tahun pengalaman dengan syarikat-syarikat perladangan dan berkemahiran bekerja dalam Amalan Pertanian Terbaik (GAP) untuk perladangan. Sepenuhnya dilatih dalam MSPO dan berkeelayakan sebagai Ketua Juruaudit / Juruaudit untuk MSPO. Terlibat dalam penilaian MSPO sejak 2015. Menghadiri kursus juruaudit MSPO pada tahun 2015 yang dikendalikan oleh DQS Certification (M) Sdn Bhd dan ISO 9001:2015 yang di kendalikan oleh TOMC. Ahli pasukan MSPO audit GGC. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.


Komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan. Sila sertakan maklumat bertulis dalam format berikut untuk kami menghubungi anda (jika perlu) untuk mendapat penjelasan terperinci mengenai isu-isu yang dibangkitkan.

Nama : \_\_\_\_\_  
Alamat : \_\_\_\_\_  
E-mel : \_\_\_\_\_  
Nombor Telefon : \_\_\_\_\_  
Ringkasan Isu : \_\_\_\_\_

Jika komen anda ingin dirahsiakan, sila tanda perkataan “SULIT” di penjuru atas borang tersebut.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**Muhammad Syafiq bin Abd Razak**  
Ketua Juruaudit,  
Global Gateway Certifications Sdn Bhd